



## APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Akal budi dalam cerita rakyat interpretasi sosiobudaya kanak-kanak dan remaja. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 95–107. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.7>

### AKAL BUDI DALAM CERITA RAKYAT INTERPRESTASI SOSIOBUDAYA KANAK-KANAK DAN REMAJA

*(Intellectual Values in the Sociocultural Interpretation of Folklore  
for Children and Teenagers)*

<sup>1</sup>Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & <sup>2</sup>Mohd Firdaus Che Yaacob

<sup>1&2</sup>Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

<sup>1</sup>Corresponding author: [sitinurulsuhadahadnan@gmail.com](mailto:sitinurulsuhadahadnan@gmail.com)

Received: 12/1/2023

Revised: 26/5/2023

Accepted: 26/6/2023

Published: 31/7/2023

#### ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan satu identiti kepada masyarakat Melayu kerana keluhuran hati yang terkandung didalamnya. Cerita rakyat diolah oleh penglipur lara agar bersesuaian dengan keadaan kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu sekaligus dijadikan sebagai pedoman kepada generasi muda seperti kanak-kanak dan remaja. Walau bagaimanapun, cerita rakyat mulai dipinggirkan kerana arus kemodenan yang dikecapi oleh masyarakat pada hari ini. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak dan remaja. Kajian ini membataskan tiga cerita rakyat yang bertajuk *Amukan Lembaga Hitam*, *Misteri Penunggu Panau* dan *Haji Mahmud Tokoh Agama*. Ketiga-tiga cerita rakyat ini diperoleh di Tanah Merah, Kelantan. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif, iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan digunakan sebagai deduktif kajian ini. Hasilnya, kajian ini mendapati akal budi dijadikan sebagai medium pengajaran yang sekaligus mendedahkan interpretasi sosiobudaya masyarakat Melayu melalui cerita rakyat yang disampaikan.

**Kata kunci:** Akal budi, cerita rakyat, sosiobudaya, kanak-kanak, remaja.

### **ABSTRACT**

*Folklore is an identity for the Malay community because of the nobility of heart contained in it. Folklore were elaborated by 'penglipur lara' in order to match the life conditions of the Malay community at that time and at the same time used as a guide for the younger generation such as children and teenagers. However, folklore began to be marginalized due to the current of modernity experienced by society today. Accordingly, this study was carried out to identify and analyze the intellectual values contained in Malay folklore for children and teenagers. This study focuses on three folklore titled Amukan Lembaga Hitam, Misteri Penunggu Panau and Haji Mahmud Tokoh Agama. These three folklore were obtained in Tanah Merah, Kelantan. This study uses a qualitative design, which is based on library and interview methods to obtain authentic information. The theory of Malay methodology through a community approach is used as deductive in this study. As a result, this study found that intellectual values is used as a teaching medium that simultaneously reveals the sociocultural interpretation of the Malay community through the folklore presented.*

**Keywords:** *Intellectual Values, folklore, sociocultural, children, teenagers.*

### **PENGENALAN**

Cerita rakyat Melayu merupakan satu bentuk tradisi yang disampaikan daripada mulut ke mulut dalam kalangan masyarakat Melayu. Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017) menyatakan bahawa cerita rakyat telah menjadi suatu kebiasaan yang kekal secara turun-temurun dalam sesebuah masyarakat bagi tujuan memberi nasihat yang bermanfaat. Cerita rakyat telah menerapkan pelbagai adat resam masyarakat Melayu dan mampu beralih daripada seseorang individu ke individu yang lain. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2021) yang menyifatkan cerita rakyat Melayu ialah satu wadah yang diterapkan menjadi kepercayaan masyarakat yang mengamalkannya. Sehubungan itu, cerita rakyat dijadikan medium pengajaran yang mendedahkan adat resam kepada anak-anak muda. Akhirnya, cerita rakyat yang disampaikan mampu mengangkat budaya yang dimiliki oleh masyarakat yang mengamalkannya.

Manakala, akal budi didefinisikan sebagai satu perbuatan yang memperlihatkan kecerdasan seseorang melalui tindakan atau pertuturan (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2020). Seseorang yang memiliki sifat akal budi akan sentiasa mendahulukan perbuatan-perbuatan yang baik tanpa mengharapkan timbal balik daripada individu yang lain. Setiap perbuatan yang dihulurkan akan memberi manfaat yang berpanjangan kepada individu yang lain. Penyataan ini disokong oleh Mohd Nazri Abdul Rahman et al. (2021) yang mentakrifkan akal budi sebagai satu perbuatan yang memperlihatkan pemikiran berskala aras tinggi oleh seseorang individu. Hal ini kerana individu tersebut memiliki kebijaksanaan yang mendorongnya untuk berfikiran matang ketika menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam komuniti. Sebagai kesimpulannya, akal budi yang diterapkan dalam cerita rakyat telah mendidik perwatakan positif dalam kalangan komuniti.

## SOROTAN KARYA

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas namun dilihat masih memiliki kelompangan menerusi penyelidikan sastera rakyat. Antara kajian lepas yang diteliti ialah *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said dan Othman Puteh* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017). Cerita rakyat Melayu merupakan bahan didikan yang mengajar masyarakat setempat tentang perlakuan yang baik seiring dengan moral yang digariskan. Walau bagaimanapun, cerita rakyat Melayu kini dipinggirkan kerana penyampaiannya dianggap tidak lagi sesuai pada era moden ini. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Terdapat tiga buah cerita rakyat yang dibataskan, iaitu *Puteri Bunga Tanjung*, *Pencerita yang Bijak* dan *Kerana Tebu Sebatang*. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif, iaitu berlandaskan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mengumpulkan data yang sahih. Hasil kajian ini mendapati terdapat tiga nilai luhur yang menjadi pegangan masyarakat Melayu, iaitu kebebasan, hormat-menghormati dan hemah tinggi.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman et al. (2017). Cerita rakyat merupakan sebuah penyampaian alur cerita secara lisan antara individu kepada individu lain serta memiliki unsur tokoh tambah dalam penyampaiannya. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis asas literasi dalam pembelajaran melayu melalui cerita rakyat orang asal Sabah. Sebanyak lapan buah cerita orang asal Sabah digariskan seperti *Asal Usul Padi*, *Dongeng Kinabalu*, *Ikan dan Tupai*, *Si Anak-anak dan Kinomulok*, *Tikus dan Kundur*, *Adat resam dan Pantang-Larang*, *Nilai Tradisi Masyarakat* serta *Bahasa Ibunda*. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif, iaitu berpandukan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi pengumpulan data yang sahih. Teori fuzzy delphi digunakan dalam kajian ini bagi memperkukuhkan data yang diperolehi. Sebagai kesimpulannya, kajian ini mampu mengekalkan kebudayaan penyampaian cerita orang asal Sabah dengan dialek sekaligus mencerminkan budaya masyarakat setempat.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* oleh Hazrul Mazran Rusli (2018) membincangkan unsur cerita jenaka sebagai salah satu genre dalam cerita rakyat. Cerita jenaka disifatkan sebagai sebuah cerita yang menyelitkan unsur lucu bagi mengelakkan pendengar atau audien tidak berasa bosan. Namun begitu, cerita rakyat sebegini sering dianggap satu bahan rekaan yang dibuat-buat oleh penglipur lara tanpa apa-apa manfaat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan tentang cerita jenaka yang diadaptasi dalam seni cetakan kontemporari. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif, iaitu berlandaskan kepada kaedah kepustakaan dan pemerhatian bagi proses pengumpulan data yang fleksibel. Teori kritikan seni digunakan sebagai alat pengukuhan analisis kajian. Hasilnya, cerita jenaka yang diadaptasi dalam bentuk seni cetakan kontemporari mampu memberi gambaran nilai luhur yang positif kepada masyarakat pada hari ini.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang memperlihatkan cerita rakyat yang berbentuk lagenda penempatan. Cerita lagenda yang diusulkan telah menjadi satu identiti kepada masyarakat di

Kelantan. Walau bagaimanapun, cerita ini dianggap sebagai satu bentuk khayalan yang dibawa oleh masyarakat lampau semata-mata. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita *Cik Siti Wan Kembang*. Kajian ini membataskan sebuah cerita dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*, iaitu *Cik Siti Wan Kembang*. Rekabentuk kualitatif yang berpaksikan dua kaedah, iaitu kepustakaan dan analisis teks telah digunakan bagi mengumpulkan data yang jelas. Teori pengkaedahan Melayu digunakan sebagai deduktif kajian. Hasilnya, kajian ini telah membuktikan wujudnya nilai murni seperti bertanggungjawab, tawakal, berilmu, berani dan toleransi masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Kajian yang bertajuk *Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et al. (2021) pula membincangkan unsur polemik dalam cerita rakyat. Hakikatnya cerita rakyat berperanan mendidik jiwa kanak-kanak untuk lebih memahami peradaban masyarakat Melayu. Hal ini kerana cerita rakyat yang disampaikan memiliki nilai pengajaran yang bermanfaat kepada kehidupan pada hari ini. Walau bagaimanapun, arus kemodenan telah mengubah persepsi masyarakat tentang penyampaian cerita rakyat Melayu pada hari ini. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan tentang polemik yang dijadikan medium pendidikan menerusi cerita rakyat berbentuk polemik terhadap kanak-kanak. Kajian ini membataskan beberapa cerita, iaitu *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih dan Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* menerusi teks *366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Oleh itu, kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif yang berpaksikan kepada kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi proses pengumpulan maklumat tentang cerita rakyat dan polemik. Teori takmilah digunakan sebagai deduktif kajian bagi memenuhi matlamat utama kajian. Hasilnya, kajian ini telah menemui beberapa unsur polemik seperti pergaduhan, dendam, penipuan, derhaka, hasad dengki dan tamak memberi pengajaran kepada kanak-kanak untuk tidak mengamalkan sikap sedemikian.

Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu sememangnya digunakan khusus bagi mendidik jiwa masyarakat untuk saling menjaga kesopanan dan tatatertib. Penglipur lara yang menyampaikan cerita rakyat ini menekankan pengajaran yang positif untuk mendidik akhlak masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas masih memperlihatkan jurang yang perlu dilihat dari aspek akal budi berbanding aspek pendidikan dan nilai-nilai murni. Para sarjana melakukan kajian berdasarkan keperluan mereka saat itu. Ini membuatkan aspek akal budi tidak dikupas secara mendalam menerusi kajian-kajian lepas. Oleh itu, kajian ini mengambil pendekatan untuk mendedahkan aspek akal budi dalam cerita rakyat Melayu di Tanah Merah, Kelantan menerusi sosiobudaya yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja pada hari ini. Kajian ini mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan bagi mengupas secara mendalam tentang akal budi dalam cerita rakyat Melayu. Melalui pendedahan sebegini, akal budi dalam cerita rakyat Melayu mampu dijadikan sebagai satu pendidikan insaniah kepada kanak-kanak dan remaja dalam membentuk keperibadian yang lebih baik.

#### **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dilakukan setelah membuat penelitian terhadap beberapa sorotan kajian lepas. Antaranya *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat*

*Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said dan Othman Puteh* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017), *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman et al. (2017), *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* oleh Hazrul Mazran Rusli (2018), *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan *Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et al. (2021).

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diteliti, pengkaji melihat masih terdapat kelompangan yang wujud dalam pengkajian mengenai cerita rakyat Melayu. Hal ini kerana para sarjana kurang memperincikan tentang aspek akal budi. Para sarjana lebih menumpukan kepada aspek pendidikan dan nilai murni dalam pengkajian yang dilakukan. Secara tidak langsung, aspek akal budi kurang diperincikan secara mendalam dalam pengkajian lepas. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan kembali akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini membolehkan akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat mampu dijadikan sebagai medium yang mendidik akhlak kanak-kanak dan remaja.

### **BATASAN KAJIAN**

Menerusi batasan kajian, pengkaji telah menggariskan untuk meneliti cerita rakyat yang bertajuk *Amukan Lembaga Hitam, Misteri Penunggu Panau* dan *Haji Mahmud Tokoh Agama*. Cerita rakyat ini diperoleh hasil daripada temu bual bersama-sama penglipur lara, iaitu Encik Shaari Hamzah di Tanah Merah, Kelantan. Beliau seorang penglipur lara yang berkebolehan dalam menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat sekitar. Bagi memperkukuhkan analisis, kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan kemasyarakatan ini dilihat bersesuaian kerana pengaplikasiannya lebih dekat dengan kebudayaan dan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Secara tidak langsung, cerita rakyat yang memiliki akal budi disampaikan menjadi lebih kukuh kerana bertepatan dengan adat resam masyarakat Melayu.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Melalui metodologi kajian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan satu analisis yang lebih kukuh. Kajian kepustakaan melibatkan proses mengumpul maklumat berdasarkan buku, kamus, jurnal dan tesis berkenaan cerita rakyat Melayu dan akal budi. Bahan-bahan ini diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu bagi proses pengumpulan maklumat awal tentang cerita rakyat Melayu serta konsep akal budi Melayu.

Kajian ini juga menggunakan kaedah lapangan bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan jelas tentang cerita rakyat di Tanah Merah, Kelantan. Kaedah ini memperlihatkan proses temu bual bersama-sama penglipur lara, iaitu Encik Shaari Hamzah di Tanah Merah, Kelantan.

Ini dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan koleksi cerita rakyat yang tulen dan sahih di kawasan lapangan. Bagi memperolehi data, pengkaji telah mengajukan beberapa soalan lisan kepada penglipur lara bagi memperlihatkan tahap relevan kajian ini dijalankan di kawasan berkenaan. Pengkaji menggunakan rakaman suara dan pita video bagi merakam setiap maklumat yang diperolehi daripada penglipur lara. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya kecaciran maklumat yang penting dalam proses mencatat. Setiap maklumat yang dicatat akan disaring dan diperincikan sebagai bahan yang sahih serta berkualiti.

Kajian ini menggunakan pendekatan kerangka *folklore* yang digagaskan oleh Dundes (1965). Kerangka ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan analisis. Melalui peringkat pengenalpastian, pengkaji telah menemui penghulu mukim bagi mendapatkan maklumat mengenai penglipur lara. Penghulu mukim telah mencadangkan seorang nama penglipur lara bagi membantu proses penyelidikan ini, iaitu Encik Shaari Hamzah di Tanah Merah, Kelantan. Bahagian pada peringkat ini penting bagi mengetahui maklumat terperinci mengenai penglipur lara yang ingin ditemu bual oleh pengkaji.

Seterusnya peringkat pengumpulan data, pengkaji telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan penglipur lara. Ini membolehkan pengkaji melaksanakan kajian secara sistematik dan teratur dengan adanya kerjasama antara dua pihak. Oleh itu, pengkaji telah berbincang dengan penglipur lara bagi memperoleh masa dan tarikh yang bersesuaian. Proses temu bual telah dijalankan pada tarikh 14 April 2022 tepat jam 9.30 pagi. Proses temu bual telah dilakukan selama satu jam setengah bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan jelas. Seramai tiga orang membantu dalam proses temu bual ini yang memainkan peranan bersama dalam proses pengumpulan data.

Pada peringkat analisis data, kajian ini menganalisis aspek akal budi yang wujud dalam cerita rakyat *Amukan Lembaga Hitam*, *Misteri Penunggu Panau* dan *Haji Mahmud Tokoh Agama* terhadap kanak-kanak dan remaja. Perlakuan akal budi ini diperolehi dalam tiga buah cerita rakyat ini akan dianalisis secara terperinci. Tambahan pula, kajian ini turut menjelaskan mengenai teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pengaplikasian teori ini melalui pendekatan kemasyarakatan mampu menjelaskan aspek akal budi yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Menerusi kaedah yang digariskan mampu menampilkan konsep akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat selain bertujuan memperkasa ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Kajian ini berlandaskan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Teori pengkaedahan Melayu ini telah dipilih disebabkan oleh falsafahnya sering menyentuh tentang kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu dilihat menekankan aspek pemikiran serta perilaku masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini mengambil intipati pendekatan kemasyarakatan yang memperlihatkan manusia berupaya untuk mencari kesejahteraan makna dalam kehidupan. Kesejahteraan ini mampu diukur dengan sikap ketakwaan dan keimanan yang wujud dalam penulisan sastera Melayu. Hal ini kerana setiap penulisan yang ditulis memperlihatkan penulisan sastera yang melihat daripada perspektif Islam. Maka, setiap penulisan yang dilakukan akan memberi perutusan yang benar mengikut ajaran Islam kepada masyarakat sekitar (Hashim Awang, 2002). Maka, sebuah sistem perundangan yang adil mampu diwujudkan dalam sesebuah organisasi atau masyarakat. Oleh itu, setiap penyelesaian diselesaikan berlandaskan syariat, ibadat, moral, ekonomi, sosial dan politik mengikut ajaran Islam.



## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, kajian ini akan menganalisis berkenaan akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat *Amukan Lembaga Hitam, Misteri Penunggu Panau dan Haji Mahmud Tokoh Agama* menerusi lambang interpretasi sosiobudaya. Antara akal budi yang dianalisis ialah toleransi, daya usaha dan kesopanan.

Akal budi ditakrifkan sebagai perbuatan yang wujud daripada hati nurani seseorang individu dalam memahami kebenaran yang sewajarnya (Albert Rufinus, 2017). Ini melibatkan kehalusan nurani seseorang mementingkan perlakuan yang bermoral. Perbuatan bermoral yang ditampilkan membentuk jati diri dalam kalangan masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) akal budi ialah satu pemikiran yang dilakukan oleh seseorang individu bagi membezakan sesuatu yang baik mahupun buruk. Ini kerana seseorang individu itu mampu membuat pertimbangan secara baik sebelum membuat sesuatu keputusan yang merubah kehidupannya. Maka, perhubungan sesama masyarakat dan persekitaran mampu dijaga dengan sebaik mungkin.

### **Akal Budi Melalui Sifat Toleransi**

Menurut Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017) toleransi merupakan satu tindakan yang menghormati pendirian atau pendapat orang lain menerusi sikap tolak ansur antara satu sama lain. Ini kerana sifat sabar dan bertolak-ansur mampu mengurangkan berlakunya perkelahian antara anggota masyarakat. Perbuatan sebegini mampu meraih kepercayaan anggota masyarakat terhadap individu tersebut. Sifat toleransi ini mampu menghasilkan sebuah masyarakat yang lebih harmoni dan sentiasa bertimbang rasa antara satu sama lain. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2021) yang menyifatkan toleransi sebagai perilaku yang menerima secara terbuka pendapat atau amalan yang dilakukan oleh orang lain berlandaskan ajaran agama Islam. Ini berpunca daripada kebaikan hati seseorang yang bersangka baik kepada setiap perkara yang berlaku. Sifat toleransi ini perlu diamalkan dalam komuniti bagi membina masyarakat yang berhati nurani dan berintegriti dalam bersosial.

Akal budi melalui sifat toleransi mampu dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Haji Mahmud Tokoh Agama*. Sifat toleransi itu mampu diperlihatkan menerusi petikan seperti di bawah:

#### **Petikan 1**

Apabila melihat golongan wanita sedikit sebanyak tertarik untuk mempelajarinya dengan lebih lanjut, Haji Mahmud secara sendirian telah ke rumah tok penghulu untuk membincangkan masalah itu. Pada permulaannya, tok penghulu tidak bersetuju dengan cadangan itu. Hal ini kerana ia bercanggah dengan adat masyarakat setempat. Namun, setelah mendapat penjelasan daripada Haji Mahmud, tok penghulu bersetuju demi pendidikan masyarakat kampung.

(Shaari Hamzah, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, akal budi juga dapat dipaparkan melalui melalui sifat toleransi tok penghulu dan Haji Mahmud. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu masyarakat kampung mempunyai kepercayaan dan adat yang tidak memperbolehkan golongan wanita untuk mempelajari ilmu agama. Mereka percaya tugas wanita hanyalah menguruskan rumah tangga. Namun kegigihan watak Haji Mahmud yang menginginkan golongan wanita untuk sama-sama belajar ilmu agama, watak ini dikatakan berkunjung ke rumah tok penghulu. Pada mulanya, tok penghulu menolak cadangan tersebut kerana bimbang persepsi masyarakat kampung. Namun setelah diteliti dan diceritakan kebaikan menuntut ilmu, tok penghulu tidak menolak malahan menerima cadangan itu demi kesejahteraan penduduk kampung.

Di samping itu, akal budi melalui sifat toleransi juga mampu dilihat pada tajuk cerita *Misteri Penunggu Panau*. Sifat ini dijelaskan seperti dalam petikan di bawah:

### **Petikan 2**

Lantas dihimpunkan masyarakat kampung untuk sama-sama memikirkan langkah yang bersesuaian untuk dilakukan. Lalu, pada ketika itu salah seorang penduduk kampung mengatakan supaya digali lubang yang besar untuk memasak dalam kuantiti yang banyak. Cadangan itu dipersetujui oleh penduduk yang lain. Lalu, penghulu kampung mula meminta kerjasama penduduk untuk sama-sama membuat lubang yang besar. Maka, bergotong-royonglah mereka semua mengali lubang tersebut.

(Shaari Hamzah, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, akal budi juga dapat dipaparkan melalui sifat toleransi penduduk kampung. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu penduduk kampung sanggup bergotong-royong membantu penghulu kampung yang mengalami kesusahan untuk mengurus majlis perkahwinan anak perempuannya. Sifat toleransi ini telah mengeratkan hubungan penduduk kampung dengan penghulu kampung. Sifat toleransi ini sedikit sebanyak telah meringankan beban penghulu kampung untuk menguruskan majlis anak perempuannya itu. Tolak ansur dalam melakukan majlis perkahwinan telah membawa permuafakatan yang kukuh dalam kalangan masyarakat kampung.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan dilihat menerusi petikan cerita di atas di mana penduduk kampung dan watak utama saling bekerjasama dalam memupuk kesepaduan. Melalui hubungan tersebut, penduduk kampung dan watak utama mampu membina toleransi antara mereka. Hal ini menyebabkan perpaduan yang utuh dibina dalam kalangan masyarakat. Sikap sebegini telah menyebabkan kehidupan yang lebih sejahtera diperoleh. Ini jelas dibuktikan apabila dakwah atau cadangan watak utama diterima oleh masyarakat sekeliling. Ini kerana masyarakat sekeliling berjaya diubah persepsi pemikiran mereka ke arah yang lebih positif. Didikan sebegini telah mendedahkan sosiobudaya masyarakat Melayu kepada kanak-kanak dan remaja. Cerita-cerita ini memberi fahaman yang utuh tentang kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu.



### **Akal Budi Melalui Sifat Daya Usaha**

Menurut Albert Rufinus (2017) daya usaha merupakan satu bentuk ikhtiar yang dilakukan oleh seseorang demi mencapai matlamat utamanya. Seseorang yang memiliki sifat ini akan berusaha mencari jalan penyelesaian menggunakan kudratnya untuk menyelesaikan permasalahan. Hal ini kerana setiap permasalahan yang terjadi akan menyebabkan seseorang lebih peka dengan keadaan semasa. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang menyifatkan daya usaha sebagai tanggungjawab seseorang pemimpin dalam mengurus permasalahan yang terjadi dalam komunitinya. Oleh itu, seseorang pemimpin akan berusaha bertindak sendiri bagi menyelesaikan permasalahan. Kesannya, seseorang pemimpin yang memiliki sifat daya usaha akan berupaya bertindak secara kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan permasalahan.

Akal budi melalui sifat daya usaha mampu dilihat pada tajuk cerita *Haji Mahmud Tokoh Agama*. Sifat ini diperincikan seperti dalam petikan di bawah:

#### **Petikan 3**

Oleh itu, Haji Mahmud telah mengambil pendekatan mendekati diri dengan golongan masyarakat. Apabila diadakan aktiviti gotong-royong, Haji Mahmud akan turut menyertainya bagi mendekati diri dengan aktiviti masyarakat setempat. Secara tidak langsung, Haji Mahmud mampu mengajarkan ilmu dakwah melalui percakapan secara bersemuka.

(Shaari Hamzah, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, akal budi juga dapat dipaparkan melalui sifat daya usaha Haji Mahmud. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu tindakan Haji Mahmud yang sama-sama mengikuti program yang diadakan penduduk kampung. Tindakan Haji Mahmud dilakukan untuk mendekati dirinya dengan penduduk kampung golongan wanita. Ini bagi memastikan bahawa golongan wanita turut sama menginginkan ilmu pengetahuan seperti golongan lelaki. Usaha Haji Mahmud mendapat reaksi positif apabila ilmu yang disampaikan disambut baik oleh golongan wanita di kampung itu. Kesannya, ilmu dakwah mampu disampaikan dan golongan wanita mampu belajar bersama-sama golongan lelaki di madrasah atau surau.

Selain itu, akal budi melalui sifat daya usaha juga mampu dilihat dalam tajuk cerita *Misteri Penunggu Panau*. Sifat tersebut diperincikan seperti dalam petikan di bawah:

#### **Petikan 4**

Lantas dihimpunkan masyarakat kampung untuk sama-sama memikirkan langkah yang bersesuaian untuk dilakukan. Lalu, pada ketika itu salah seorang penduduk kampung mengatakan supaya digali lubang yang besar untuk memasak dalam kuantiti yang banyak. Cadangan itu dipersetujui oleh penduduk yang lain. Lalu, penghulu kampung mula meminta kerjasama penduduk untuk sama-sama membuat lubang yang besar. Maka, bergotong-royonglah mereka semua mengali lubang tersebut.

(Shaari Hamzah, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, akal budi juga dapat dipaparkan melalui sifat daya usaha penghulu kampung dan penduduk kampung. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu penghulu kampung merasa susah hati kerana tiada peralatan memasak untuk majlis perkahwinan anak perempuannya yang akan berlansung tidak lama lagi. Penduduk kampung yang mengetahui hal itu berpendapat agar menggali lubang untuk memasak dalam kuantiti yang besar. Maka, mereka semua berpakat dan saling membantu untuk menyediakan persiapan tersebut. Usaha dilakukan penduduk kampung tidak sia-sia apabila lauk yang dimasak dalam lubang kawah itu sedap dan dipuji masyarakat lain.

Di samping itu, sifat daya usaha juga mampu dilihat pada tajuk cerita *Amukan Lembaga Hitam*. Sifat ini dijelaskan secara terperinci menerusi petikan di bawah:

### **Petikan 5**

Hal ini kerana sebelum ini, orang kampung sering bercerita tentang jelmaan buruk di sekitar kampung mereka. Maka tanpa berlengah lagi, mereka pun pergi ke hutan dengan membawa alatan yang patut untuk persediaan jika lembaga hitam tersebut muncul.

(Shaari Hamzah, 2022)

Akal budi juga dapat dipaparkan melalui sifat daya usaha orang kampung. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu berpunca daripada jelmaan buruk yang tiba-tiba muncul di kampung mereka. Ramai orang kampung yang telah hilang di hutan belantara berdekatan kampung itu. Oleh sebab itu, orang kampung dilihat mengambil inisiatif membawa senjata untuk mengepung jelmaan itu. Hal ini kerana orang kampung tidak mahu lagi orang kampung hilang tanpa jejak. Usaha yang dilakukan ini telah menyebabkan jelmaan itu berjaya ditangkap oleh orang kampung. Usaha gigih dilakukan menerusi kerjasama orang kampung akhirnya telah mengembalikan keharmonian kepada kampung tersebut.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan memperlihatkan sikap ketakwaan dan keimanan seseorang dalam menghambakan diri kepada Yang Maha Esa. Ini jelas dibuktikan melalui watak utama seperti dalam cerita *Haji Mahmud Tokoh Agama* yang berusaha mendekati diri dan masyarakat setempat menerusi dakwah yang disampaikan. Melalui tindakan sebegitu, watak utama dalam cerita rakyat mampu membentuk hubungan ketakwaan dengan Allah SWT. Secara tidak langsung, setiap tindakan yang memiliki sosiobudaya dilakukan oleh masyarakat setempat akan berpandukan agama Islam yang dipelajari, iaitu mengikut al-Quran dan hadis. Sekaligus ini menjelaskan aspek sosiobudaya keagamaan masyarakat Melayu kepada kanak-kanak dan remaja. Kesannya, kanak-kanak dan remaja mampu mempelajari sosiobudaya dan ilmu agama yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu.

### **Akal Budi Melalui Sifat Kesopanan**

Menurut Hazrul Mazran Rusli (2018) kesopanan menjurus kepada tindakan seseorang yang berusaha memelihara adat dan budaya bangsanya. Hal ini supaya masyarakat lain melihat kesantunan budi yang dimiliki oleh bangsa individu tersebut. Oleh itu, setiap perbuatan dan

pertuturan individu tersebut akan diselitkan dengan perundangan adat pepatih atau adat temenggung mengikut kepercayaan masyarakatnya. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Nazri Abdul Rahman et al. (2021) yang mentakrifkan kesopanan adalah budi bahasa yang ditampilkan sebagai cerminan budaya sesebuah bangsa. Maka, setiap anggota masyarakat akan berusaha menjaga sopan santun, adat resam dan berakhlak mulia dengan bangsa lain. Ini demi menjaga kualiti serta reputasi bangsa mereka yang beradat dan bertoleransi.

Akal budi melalui sifat kesopanan dapat diperhatikan dalam tajuk cerita *Haji Mahmud Tokoh Agama*. Sifat ini diterangkan seperti dalam petikan di bawah:

#### **Petikan 6**

Apabila melihat golongan wanita sedikit sebanyak tertarik untuk mempelajarinya dengan lebih lanjut, Haji Mahmud secara sendirian telah ke rumah tok penghulu untuk membincangkan masalah itu. Pada permulaannya, tok penghulu tidak bersetuju dengan cadangan itu. Hal ini kerana ia bercanggah dengan adat masyarakat setempat. Namun, setelah mendapat penjelasan daripada Haji Mahmud, tok penghulu bersetuju demi pendidikan masyarakat kampung.

(Shaari Hamzah, 2022)

Konsep akal budi dipaparkan melalui sifat kesopanan Haji Mahmud. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu Haji Mahmud dikatakan memiliki kesopanan dalam percakapan mahupun perbuatannya. Haji Mahmud pergi menemui tok penghulu bagi berbincang terlebih dahulu. Melalui perbincangan ini, watak Haji Mahmud dengan sopan meminta keizinan tok penghulu di samping berbincang untuk menyelaraskan penyampaian ilmu agama kepada seluruh penduduk kampung tanpa mengira jantina. Kesannya, tok penghulu dan Haji Mahmud mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan permasalahan itu.

Selain itu, Akal budi melalui sifat kesopanan mampu dilihat pada tajuk *Misteri Penunggu Panau*. Sifat ini dijelaskan secara terperinci seperti dalam petikan di bawah:

#### **Petikan 7**

Ketika majlis berlangsung, tidak sengaja Leman telah memecahkan pinggan tersebut lalu dia meminta maaf kepada tok penghulu. Tok penghulu merasa takut namun tetap memaafkan Leman.

(Shaari Hamzah, 2022)

Akal budi juga dapat dipaparkan melalui sifat kesopanan Leman. Hal ini dapat dilihat dalam contoh di atas iaitu Leman tidak sengaja memecahkan pinggan ketika majlis kenduri penghulu kampung. Leman dilihat segera meminta maaf dan mengakui kesilapannya itu. Watak Leman dikatakan memiliki kesopanan dalam melontarkan kata-kata maaf kepada penghulu kampung. Permintaan maaf Leman disambut baik oleh penghulu kampung walaupun pada masa yang sama penghulu kampung merasa takut. Ini kerana pinggan itu telah dipinjam daripada penunggu Bukit Panau tanpa pengetahuan penduduk kampung yang lain.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini amat mementingkan hubungan yang sejahtera diamalkan oleh setiap anggota masyarakat. Oleh itu, setiap permasalahan akan diselesaikan berpandukan syariat, moral, sosial, ekonomi dan politik mengikut ajaran agama Islam yang benar. Melalui watak dalam cerita yang disampaikan, watak utama memainkan peranan penting agar dicontohi setiap perlakuan yang dilakukan. Ini supaya setiap perlakuan dicontohi oleh golongan muda. Oleh itu, perlakuan yang baik perlu diterapkan sentiasa. Dengan berbuat demikian, kanak-kanak dan remaja mampu mempelajari sosiobudaya kesopanan dalam perlakuan yang diamalkan oleh masyarakat setempat.

Intihanya, kajian ini mendapati terdapat beberapa konsep akal budi dalam cerita rakyat di Tanah Merah, Kelantan. Oleh itu, konsep akal budi ini seharusnya disemai dan dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja. Hal ini bertujuan mencerminkan tatacara kehidupan yang berketerampilan dan berwawasan menerusi sistem sosiobudaya masyarakat Melayu. Secara tidak langsung, perkara ini menyebabkan masyarakat lain memandang tinggi terhadap peradaban yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Akhirnya, konsep akal budi dalam cerita rakyat ini mampu membina satu bentuk masyarakat yang mementingkan perhubungan sosiobudaya antara kaum di negara ini.

### **KESIMPULAN**

Secara tuntasnya, kajian ini telah memperjelaskan tentang konsep akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat ini mampu dijadikan bahan pengajian kepada kanak-kanak dan remaja dalam membentuk akhlak yang mulia. Akal budi dalam cerita rakyat mampu membentuk jati diri kanak-kanak dan remaja melalui kebudayaan yang diterapkan dalam cerita tersebut. Secara tidak langsung, prinsip-prinsip sosiobudaya dalam cerita rakyat mampu membentuk kanak-kanak dan remaja berakhlak mulia. Oleh itu, cerita rakyat seharusnya diterapkan dalam kehidupan kanak-kanak dan remaja bagi menjadi seorang manusia yang berwibawa dan cemerlang sahsiah diri. Konsep akal budi dalam cerita rakyat perlu dimartabatkan demi mewujudkan golongan kanak-kanak dan remaja yang berkredibiliti dalam sesebuah masyarakat majmuk. Aktiviti pengekalan cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja seharusnya dilakukan bagi memartabatkan nilai luhur serta adat budaya masyarakat Melayu lampau. Justeru itu, kajian-kajian sastera pada masa akan datang seharusnya lebih menitikberatkan akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat supaya membentuk satu perwatakan kanak-kanak dan remaja agar lebih bertatasusila serta berbudi bahasa.

### **PENGHARGAAN**

Makalah/artikel ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

## RUJUKAN

- Albert, R. (2017). Nilai-Nilai Kepahlawanan dalam Teks Takna 'Lawe' Daripada Komuniti Kayan di Mendalam: Kajian Semiotik. *Tesis Ijazah Kedoktoran Falsafah*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. <http://studentsrepo.um.edu.my/7757/>.
- Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall. <https://www.jstor.org/stable/1498494>
- Hashim, A. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar BengkelKajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun. <http://www.worldcat.org>
- Hazrul, M. R. (2018). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari. *Tesis Ijazah Sarjana Seni*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=3943>
- Mohd, F. C. Y. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Journal Pertanika Mahawangsa*. 8(1), 1-14. <http://psasir.upm.edu.my/56962/1/FBMK%202015%2017RR.pdf>
- Mohd, F. C. Y., & Nasirin, A. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*. 5(2), 67-74. <http://myscholar.umk.edu.my/handle/123456789/2402>
- Mohd, N. A. R., Aishah, A. M., & Muhammad, A. M. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*. 6(1), 91-98. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/17787>
- Mohd, N. A. R., Mariani, M. N., Romli, D., Ahmad, S. M. N., Arun, D., Rinau, L., & Nor, A. M. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4), 26-30. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8233>
- Mohd, Y. M. Y., Suffian, M., Karim, H., & Mohamad, R. A. R. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 17(2), 355-365. <http://journalarticle.ukm.my/17645/>
- Mohamad, Z. I., & Mohamad, M. A. H. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal of Business and Social Development*. 5(1), 123-139. <https://myjournal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=113089>
- Muhammad, N. A. M. H., Mohd, F. C. Y., Siti, F. A. R., & Siti, A. J. (2021). Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*. 20(2), 194-212. <http://journalarticle.ukm.my/18370/>
- Tuan, S. N. S. T. A., & Mohd, F. C. Y. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/4411>